



Akidah dan Ibadat Penentu Nilai Akhlak

Zakaria Stapa
Profesor Emeritus Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Menurut Imam al-Ghazali dalam kitab beliau, *Ihya' 'Ulumuddin*, akhlak mulia merujuk sesuatu nilai perlakuan atau sifat perbuatan yang diputuskan sebagai mulia atau baik oleh syarak dan akal murni manusia seperti ikhlas, benar, zuhud, tawakal, mencintai Allah, takut dan harap, syukur, sabar, reda, dan taubat yang berterusan.

Dalam konteks ini, suara majoriti tidak boleh diambil kira untuk menentukan baik dan buruknya sesuatu perkara. Misalnya, walaupun parlimen dalam sesebuah negara memutuskan bahawa perbuatan menggugurkan kandungan hukumnya halal disebabkan keperluan tertentu, namun perbuatan tersebut tetap haram di sisi syarak dan akal murni manusia. Akal murni manusia hanya diberikan laluan untuk melakukan ijtihad dalam perkara yang tidak diberitahu secara terperinci oleh syarak. Dalam perkataan lain, akal murni mesti beroperasi di bawah naungan

syarak ketika menentukan nilai bagi sesuatu yang tidak wujud secara terperinci dalam keseluruhan syariat Islam.

Mengapakah akidah dan ibadat dapat menjadi penentu nilai akhlak seseorang Muslim? Hal ini berkaitan rapat dengan misi Rasulullah SAW yang dihadirkan ke alam ini dengan tujuan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia." (Hadis riwayat Ahmad). Apabila matlamat kehadiran dan kebangkitan Rasulullah

SAW tersebut adalah untuk melakukan penyempurnaan akhlak mulia dalam kalangan manusia, maka sebagai agama yang benar, Islam semestinya menyediakan prasarana yang cukup untuk melahirkan manusia yang berakhlak mulia tersebut. Jika tidak, tentulah agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW menjadi tidak praktikal, retorik dan omong kosong belaka. Islam tidak sekali-kali bersifat sedemikian.

Oleh itu, seseorang yang mahu menjadi Muslim mestilah memperakui dan meyakini akidah Islam yang terungkap secara epitome dalam dua kalimah syahadah, dan seterusnya wajib melaksanakan ibadat khusus tertentu dalam kehidupan hariannya. Akidah dan ibadat tersebutlah yang akan membentuk dirinya menjadi seorang yang berakhlak mulia. Di sinilah logik dan praktikalnya agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW bertujuan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Perkara asas dalam Islam yang berbentuk wajib diyakini dan dilaksanakan oleh seseorang Muslim itu merupakan prasarana yang disediakan untuk membentuk akhlak mulia yang menjadi misi utama kebangkitan Rasulullah SAW.

Akidah pembentuk akhlak mulia

Apakah sebenarnya akidah Islam dan keteguhan yang bagaimanakah berupaya menyumbang kepada kewujudan akhlak mulia? Jawapan bagi persoalan ini merujuk isi kandungan akidah Islam, iaitu rukun iman yang meliputi perkara seperti yang berikut:

A Makrifat Allah berserta dengan nama-nama-Nya yang baik dan sifat-Nya yang Maha Tinggi, memahami dan mengenali dalil kewujudan-Nya serta tanda kebesaran-Nya yang terdapat di alam tabii.

B Makrifat pelbagai alam yang berada di luar alam tabii yang tidak dapat dijangkau oleh pancaindera, iaitu yang terdiri daripada daya kebaikan yang diwakili oleh para malaikat, serta daya kejahatan yang diwakili oleh iblis dan tenteranya yang terdiri daripada syaitan. Juga mengenali dan mengetahui perkara yang terdapat dalam alam berkenaan yang terdiri daripada para jin dan pelbagai roh.

C Makrifat kitab Allah yang diturunkan untuk mendefinisikan secara tepat tanda-tanda kebenaran dan kebatilan, kebaikan dan kejahatan, halal dan haram, serta baik dan buruk.

D Makrifat para nabi Allah dan rasul-Nya yang dipilih oleh Allah untuk menjadi tanda jalan ke arah hidayah dan memimpin makhluk ke arah kebenaran.

E Makrifat tentang hari akhirat serta perkara yang terkandung di dalamnya meliputi perihal kebangkitan semula, pembalasan, pahala, seksa, syurga dan neraka.

F Makrifat tentang qadar yang di atasnya berjalan peraturan alam yang berhubung dengan penciptaan dan pentadbiran.

Namun begitu, makrifat dan keyakinan terhadap setiap isi kandungan akidah Islam tersebut mestilah memenuhi ciri-ciri yang berikut:

- Kepercayaan dan keyakinan itu mestilah berasaskan kefahaman minda dan ilmu yang mantap. Kemantapan ilmu itu pula mestilah diperoleh daripada sumber yang autentik, iaitu daripada wahyu Ilahi.
- Kepercayaan dan keyakinan itu mestilah berada dalam

keadaan yang teguh sehingga tidak boleh menerima sebarang bentuk syak dan tidak mungkin digugat oleh sebarang argumen lain.

- Kepercayaan dan keyakinan itu mesti diikuti bersama-sama dengan ketaatan atau kepatuhan hati dan penyerahan iradat atau kemahuan untuk mempraktikkan segala hukum atau suruhan dengan penuh rasa rela tanpa sebarang bantahan.

d. Kepercayaan dan keyakinan itu mestilah berupaya menjadi pencetus segala aktiviti dan perlakuan pemilikinya, iaitu pada taraf wujudnya rasa kemahuan yang berkobar-kobar untuk melaksanakan kerja dan suruhan yang terkandung dalam akidah yang dipegang, di samping beriltizam untuk melaksanakan prinsip tingkah laku serta berjihad dengan seluruh jiwa dan harta benda.

Setelah semua ciri tersebut dipenuhi secara sempurna dalam kepercayaan dan keyakinan seseorang, barulah akidah itu terangkat dalam pengertiannya yang sejati. Tanpa sampai ke tahap tersebut, akidah itu mungkin hanya dianggap sebagai suatu "idea," "teori" atau "pandangan," bukannya akidah dalam sifatnya sebagai satu istilah yang teknikal.


Makrifat serta keyakinan terhadap rukun iman pada tahap seperti yang dijelaskan tersebut pastinya melahirkan Muslim yang berakhlak mulia. Secara mudahnya dapat difahami bahawa mereka menjadi takut kepada Allah SWT, percaya dan yakin kepada malaikat yang akan mencatat setiap laku perbuatan mereka, dan akan terpesona dengan pelbagai tawaran syurga serta gerun dengan ancaman azab neraka di akhirat kelak. Segala laku perbuatan mereka pastinya dengan ikhlas mengikut segala suruhan dan meninggalkan segala tegahan Allah SWT, dan di situlah berpaksinya penghayatan akhlak yang mulia.

Ibadat pembentuk akhlak mulia

Dalam konteks amal ibadat yang memberikan sumbangan terhadap penghayatan akhlak mulia, maka hal tersebut berkaitan secara langsung dengan pelbagai amal ibadat

yang berbentuk khusus dan formal sebagaimana terungkap dalam rukun Islam seperti solat, puasa, zakat dan haji. Amalan ini merupakan amalan fardu ain yang mesti dilaksanakan oleh setiap Muslim apabila memenuhi syarat yang diperlukan. Dalam setiap ibadat khusus ini terdapat kemanisan tersendiri yang memberikan makna yang mendalam serta kesan yang amat jelas terhadap penghayatan akhlak yang mulia apabila ditunaikan secara sempurna.

Oleh itu, perlu difahami bahawa semua amalan ini mestilah dilaksanakan dalam taraf yang sempurna, iaitu satu taraf pelaksanaan dalam bentuk yang sejajar dan menepati antara amalan lahir dengan amalan batin, sehingga unsur seumpama nifak serta riyak tidak dapat memainkan peranan jahatnya. Dalam kata lain, semua amalan itu hendaklah diangkat penuaiannya ke tahap



ihsan, iaitu segala sesuatu yang dilakukan itu, dari aspek modus operandinya mestilah diikutsertakan dengan rasa keyakinan serta rasa kehadiran dan kebersamaan Allah SWT yang sentiasa menuntun setiap perkara yang sedang dilaksanakan.

Hal ini sebagaimana yang terungkap dalam definisi ihsan yang diberikan oleh Rasulullah

yang disebut kepada Rasulullah SAW sebagai seorang yang banyak melakukan ibadat solat, bersedekah dan puasa, tetapi lidahnya tidak putus-putus menyakiti jirannya, maka Rasulullah SAW menjelaskan bahawa tempat perempuan berkenaan di akhirat kelak adalah di dalam neraka.

Berdasarkan huraian dalam tulisan ini jelas bahawa

oleh pihak kerajaan dengan kerjasama seluruh ahli masyarakat Muslim di Malaysia. Program tersebut haruslah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan menyeluruh pada pelbagai peringkat, termasuk institusi keluarga, institusi pendidikan, institusi masjid dan surau, organisasi awam dan swasta, mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Kurikulum

Seandainya seseorang Muslim sebagai individu atau masyarakat Muslim tidak mengamalkan akhlak mulia, maka aspek pegangan akidah dan amalan ibadat mereka masih belum sempurna dan perlu diperbaiki.

SAW dalam sabda Baginda yang bermaksud, "Ketika Rasulullah SAW disoal apakah itu ihsan, Baginda lalu menjawab: 'Bahawa kamu melakukan ibadat kepada Allah (dalam keadaan) seolah-olah kamu melihat-Nya; jika kamu tidak dapat melihat-Nya, maka sesungguhnya Allah melihat kamu.'"

Apabila segala amalan dilaksanakan pada taraf dan tahap yang dicatatkan tersebut, barulah amalan tersebut dapat memberikan sumbangan yang berkesan dalam proses pembentukan akhlak mulia. Maka itu, apabila orang yang tekun melaksanakan ibadat seperti solat, puasa, zakat dan haji, tetapi masih tidak putus-putus melakukan maksiat yang dilarang oleh agama, maka dapat disimpulkan bahawa ibadatnya mempunyai masalah yang besar pada tahap modus operandi. Hal ini samalah dengan kes seorang perempuan

akhlak mulia merupakan inti sari utama misi Rasulullah SAW, dan sewajarnya setiap Muslim merealisasikannya dalam kehidupan harian. Oleh itu, seandainya seseorang Muslim sebagai individu atau masyarakat Muslim tidak mengamalkan akhlak mulia, maka aspek pegangan akidah dan amalan ibadat mereka masih belum selesai dan perlu diperbaiki.

Umat Islam di Malaysia yang masih terjebak dalam salah laku akhlak yang tidak selaras dengan kehendak syarak dan akal murni dalam pelbagai aspek kehidupan harian perlu dipulihkan menerusi pendekatan pemulihan akidah dan ibadat. Pegangan akidah perlu diperkukuh dan pelaksanaan ibadat harian mereka perlu diperbetul.

Dalam konteks ini, satu program khusus berbentuk pemulihan perlu dilaksanakan

dan modul yang sesuai mesti diwujudkan oleh pihak berwajib bagi memperteguh pegangan akidah dan menyempurnakan penghayatan ibadat. Di samping itu, pemantauan mesti dijalankan secara terancang dan sistematik.

Tidak bermakna kehidupan seseorang individu atau masyarakat Muslim seandainya mereka tidak menghayati nilai akhlak mulia. Personaliti sebegini bukan hanya merugikan diri sendiri kerana terpaksa menerima hukuman Allah, tetapi juga merugikan masyarakat secara keseluruhan kerana tidak beroleh sumbangan positif. Oleh itu, setiap individu Muslim mesti berusaha memperteguh pegangan akidah dan menyempurnakan penghayatan ibadat mereka untuk muncul dalam kehidupan bermasyarakat sebagai personaliti berakhlak mulia agar kehadiran mereka di dunia ini bermanfaat, bukan menjadi beban kepada orang lain. 📖